

Suara dari Tanah Suci:

Khutbah Jumaat dari Masjidil Haram

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khīyāt

Imam Besar Masjidil Haram

Alhamdulillah al-qā'il: shahru ramadāna alladhī unzila fīhī al-Qur'ānu hudan li al-nāsi wa bayyinātin mina al-hudā wa al-furqān. Wa ashhadu an lā ilāha illā Allāhu waḥdahu lā sharīka lah, wa ashhadu anna Sayyidana Muḥammadan 'abduhu wa rasūluhu, sayyidi al-thaqalayni min insi wa jān, Allāhumma ṣalli wa sallim 'alā 'abdika wa rasulika Muḥammad, wa 'alā ālihi wa ṣahbihi.. ammā ba'd fa yā 'ibada Allāh, ittaqū Allāh!

(Terjemahan: Wahyu Qalam)

Wahai sekalian hamba Allah!

Takutilah kamu akan Allah!

Hidup seseorang hamba Allah di muka bumi ini adalah terletak di bawah pentadbiran yang diatur dengan sebegitu rapi oleh Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*. Allah lah yang menjamin kejayaan dan kebahagiaan hidup seseorang hamba dari alam dunia hingga ke alam akhirat selagi hamba itu tidak menyeleweng dan tidak membelakangkan dasar dan konsep al-Qur'ān yang penuh mengandungi hikmah dan pelajaran yang boleh dijadikan panduan seseorang hamba yang mempunyai matlamat hidup menuju ke alam bahagia dunia dan akhirat.

Tetapi selagi hamba itu tidak mahu mengikut landasan-landasan hidup yang telah diatur oleh Allah, maka selama itulah ia tidak dapat mencapai segala apa yang dicita-citakannya. Dalam soal pentadbiran ini kita tidak menafikan bahawa manusia juga mempunyai kebolehan untuk mentadbirkan kehidupan mereka damai pada ini

dengan cara bersendirian dan mengikut pendapat masing-masing. Tetapi pentadbiran-pentadbiran yang diatur oleh manusia itu tidak lengkap dan tidak sempurna, bukan semua pentadbiran-pentadbiran yang diatur oleh manusia itu boleh diambil dijadikan panduan hidup, malahan setengah daripadanya boleh membawa seseorang itu terceburlah ke corong kecelakaan dan kesesatan yang nyata. Ini telah ditegaskan oleh Tuhan sendiri di dalam sepotong ayat suci dilembaran al-Qur'ān al-Karīm:

“Wa in tuṭī ' akthara man ft al-arḍi yuḍillūka 'an sabīl Allāh, in yattabi 'āna illā al-ẓanna wa in hum illā yakhrūṣūn.”

Ertinya: “Jika engkau turut kebanyakan orang (yang sesat) di muka bumi ini, nescaya mereka itu akan menyesatkan engkau daripada jalan Allah, mereka tiadalah mengikut selain dari sangkaan dan dan dugaan sahaja, dan tiadalah mereka selain dari mengira dan menduga” [Surah al-An'ām ayat: 116].

Sidang Jumaat yang Mulia!

Ayat di atas dengan jelas menegaskan bahawa pengajaran-pengajaran yang diberikan oleh seseorang makhluk itu jangan diturut dengan secara membabi buta tanpa diselidiki terlebih dahulu, lantaran segala tunjuk ajar yang diberikan oleh seseorang manusia itu dengan melalui akal fikirannya sendiri selalu membawa orang yang menerima ajaran itu ke jalan yang sesat, iaitu jalan yang menyeleweng daripada jalan atau agama Allah. Kerana tiap-tiap ajaran yang keluar daripada akal fikiran manusia tanpa berpegang kepada panduan-panduan Ilahi, adalah semata-mata berdasarkan sangkaan dan dugaan sahaja, dan tiap-tiap fikiran yang berdasarkan agak-agak dan sangkaan itu sudah tentu tidak benar dan tidak tepat.

Kalimah “sabīl Allāh” – atau jalan Allah - yang tersebut di dalam ayat ini adalah bererti “agama Allah”. Pengertian agama Allah itu adalah luas, meliputi segala perintah yang wajib ditaati

Khutbah Jumaat...

dan mengandungi segala larangan yang mesti dijauhi. Jadi barang siapa yang membelakangkan “sabil Allah” adalah dianggap orang yang sesat. Sesat dalam mentadbirkan hidup dan sesat pula mencari panduan yang menuju kepada kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

Para hadirin yang mulia:

Di dalam lingkungan keluarga umpamanya, seorang isteri berkata kepadanya: “Adakah awak akan pergi berjihad untuk mengejar mati dengan meninggalkan anak yatim yang masih kecil dan menjadikan isteri awak seorang balu yang akan merempat hidupnya di sepanjang masa?” Di kala itu fikirannya menjadi bingung untuk menentukan mana satu jalan yang mesti dipilihnya. Anak isteriku atau jihad *fi sabil Allah*? Sedang jihad adalah salah satu tanggungjawab setiap orang Islam – terutama kalau masa berjihad itu telah tiba – lari dari kewajiban jihad – pada saat yang segenting itu – adalah menyeleweng dari agama Allah. Akibat dari penyelewengan itu akan membuka jalan kepada musuh-musuh Islam untuk menguasai orang-orang Islam. Lari dari kewajiban berjihad itu adalah bertentangan dengan tabiat Islam.

Atau berkata seorang anak kepada bapanya: “Adakah bapa akan menghabiskan wang bapa dengan mengeluarkan zakat dan memberi sedekah sahaja dengan tidak

meninggalkan kepada kami sebarang harta untuk perbelanjaan kami hidup sesudah bapa meninggal dunia, sehingga kami tidak meminta-minta menadahkan tangan memohon belas kasihan orang lain? Lebih baik wang bapa itu disimpan di dalam bank, cukup tahun wang itu akan bertambah, keuntungan wang bunga didapati dengan percuma dari bank dan wang itu akan kekal terpelihara dengan selamat sehingga ke akhir hayat bapa!”

Wahai ikhwān al-muslimin!

Kalau si suami itu mengikut kata-kata isterinya dengan meninggalkan kewajiban jihad, maka si suami sudah dianggap menyeleweng dari agama Allah yang mewajibkan setiap orang Islam itu mesti berjihad manakala sampai masanya. Atau pun kalau si bapa itu mendengar kata-kata anaknya enggan mengeluarkan zakat, maka si bapa itu juga telah dianggap menyeleweng daripada agama Allah, lantaran mengeluarkan zakat itu adalah diwajibkan oleh agama manakala cukup nisabnya. Enggan mengeluarkan zakat bererti juga merampas hak si fakir miskin sebagai anggota masyarakat Islam yang wajib ditolong dan dibantu oleh para hartawan yang telah dikurniakan Allah rezeki yang lebih banyak. Di lapangan pergaulan sesama manusia ia akan dibenci oleh golongan fakir miskin dan akibatnya hubungan persaudaraan dalam Islam di antara golongan hartawan dengan golongan marhaen akan menjadi genting dan perasaan dendam mendendam akan timbul yang membawa kepada berpecah-belah dan berporak-perandanya masyarakat

Islam. Pada hal Islam mewajibkan setiap kaum muslimin itu di antara satu sama lain mestilah bersatu padu, tolong-menolong dan cinta-mencintai di antara satu sama lain.

Sidang Jumaat yang Mulia!

Jika kita perhatikan pergolakan masyarakat umat Islam yang tergilagila mengejar zaman kemajuan di abad yang kedua puluh ini, kita akan terjumpa dengan golongan manusia yang mabuk kemajuan itu mengatakan: “Kita sekarang sedang berada di dalam zaman kemajuan dan pembangunan yang pesat dan mengagumkan. Kita sebagai penghuni alam di zaman moden ini wajiblah memperlipat-gandakan segenap tenaga dan fikiran kita untuk mengikuti roda kemajuan alam yang berpusing dengan ligat itu. Kita mestilah berusaha dan bekerja dengan lebih giat dan bersungguh-sungguh. Kita sebagai suatu umat yang ingin maju, tidaklah perlu lagi membuang-buang waktu dan menghabiskan masa dengan mengerjakan sembahyang dan berdoa yang akan mengurangkan masa kita bekerja.”

Kalau seruan syaitan ini kita dengar dan kita amalkan, maka bererti dengan sengaja kita telah memutuskan perhubungan batin kita dengan Allah. Barangsiapa di antara orang-orang Islam yang memutuskan perhubungannya dengan Tuhan yang menjadikannya, maka akan rugilah kehidupannya dari dunia hingga akhirat, dan termasuklah ia di dalam golongan orang-orang yang telah menyeleweng daripada agama Allah.

Para hadirin yang mulia:

Di kalangan masyarakat umat Islam pada hari ini, juga kita dapat mendengar laungan-laungan suara keras menyeru agar kita meninggalkan agama yang kononnya penghalang kemajuan, agar menjadi seorang “atheis” yang hidup bebas dari sebarang kongkongan agama. Seruan-seruan yang serupa ini dilaung-laungkan oleh golongan orang-orang komunis yang bertuhankan kebendaan, tidak mempercayai akan adanya Tuhan yang Maha Esa dan Maha Kuasa. Mereka mendakwa bahawa kebendaan itulah sahaja yang boleh menjadikan seseorang manusia itu mencapai kebahagiaan hidup yang sebenar-benarnya. Mereka terus mengecam agama. Dikatakannya bahawa agama itu adalah “racun masyarakat” dan kehidupan di alam akhirat itu adalah suatu khayalan atau suatu dongeng yang dianggap benar oleh manusia yang menganut sesuatu agama.

Kalau seruan-seruan komunis ini kita dengar dan kita percayai, maka termasuklah kita ke dalam golongan orang-orang yang sesat dan menyeleweng dari ajaran-ajaran agama. Lantaran “*al-hād*” atau “atheist” itu adalah suatu fahaman yang dasarnya menafikan adanya seburuk-buruk dan sekotor-kotor fahaman yang hidup berkembang di muka bumi ini. Lantaran fahaman “*al-hād*” ini merosakkan segala iktikad beragama dan meruntuhkan akhlak dan moral yang mesti dimiliki oleh setiap Bani Adam yang hidup di alam nyata ini.

Wahai Ikhwan al-Muslimin!

Ingat dan berjaga-jagalah kamu daripada dipengaruhi oleh seruan palsu yang akan menjerumuskan kamu ke jurang kecelakaan hidup di dunia dan di akhirat! Setiap seruan yang menyeleweng daripada dasar-dasar pengajaran agama Allah adalah sesat dan menyesatkan. Kesemua seruan-seruan palsu itu adalah sumber terbitnya dari fikiran-fikiran manusia yang berdasarkan sangkaan dan dugaan semata-mata. Firman Allah:

“In yattabi’ūn illā al-zanna wa in hum ilā yakhrusūn, inna rabbaka huwa al-lamū manī yaqillu ‘an sabīlih, wa huwa al-lamū bi al-muhtadīn.” Ertinya: “Mereka (orang-orang yang sesat) tiadalah mengikut selain dari sangkaan dan dugaan sahaja, dan tiadalah mereka selain daripada mengira dan menduga. Sesungguhnya Tuhan engkau lebih mengetahui akan orang-orang yang sesat daripada jalan-Nya (agama-Nya) dan Dia lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah dan pertunjuk”. [al-An‘ām ayat 116-117].

Oleh itu ikutilah jalan yang betul dan lurus, berpegang teguhlah dengan ajaran-ajaran Allah yang terkandung di dalam kitab suci al-Qur‘ān al-Karīm. Jangan sekali-kali kamu terpengaruh dengan seruan-seruan palsu yang merosakkan iktikad kepercayaan dan meruntuhkan iman kamu. Hanya orang-orang yang dikasihi Allah sahajalah yang mendapat hidayah dan pertunjuk daripada-Nya. Sebagaimana firman-Nya di dalam surah al-A‘rāf ayat (178):

“Man yahdī Allāh fahuwa al-muhtadā, wa man yaqḍil fa’ulā’ika hummu

al-khāsirūn”. Ertinya: “Barang siapa yang diberi pertunjuk oleh Allah, nescaya ia dapat pertunjuk. Dan barang siapa yang disesatkan-Nya, maka mereka itu termasuk di dalam golongan orang-orang yang rugi.”

Kalau begitu hanya satu jalan sahaja yang menjamin seseorang muslim itu mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidupnya, iaitu berpegang dengan agama Allah itu ialah taat kepada segala perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya, sebagaimana firman Allah:

“Man yuṭī ‘i Allāh wa al-Rasūl, fa’ulā’ika ma’al-ladhīna an ‘ama Allāh ‘alayhim min al-Nabiyyīn wa al-ṣiddīqīn wa al-shuhadā’ wa al-ṣāliḥīn, wa ḥasuna ulā’ika raḥīqā.” Ertinya: “Barang siapa yang taat kepada Allah dan Rasul, maka adalah mereka itu termasuk di dalam golongan orang-orang yang mendapat kurnia daripada Allah, beserta dengan Nabi-nabi, orang-orang yang mati syahid dan orang-orang yang soleh. Alangkah baiknya bertemu dengan mereka.” [al-Nisā’ ayat: 69].

Takutilah kamu akan Allah wahai Ikhwan al-Muslimin! Jadikanlah ajaran-ajaran Allah itu sebagai pedoman hidup menghadapi cabaran-cabaran dari mereka-mereka yang berusaha untuk menarik kamu ke jurang kesesatan. Usaha-usaha itu mereka jalankan dengan daya-daya penarik yang meruntun jiwa orang-orang yang lemah iman dan akidahnya. Ingatlah! Bahawa hanya agama Allah itulah sahaja yang wajib diikuti.

Khutbah Jumaat...

A'ūdhu bi Allāhi mina al-shayṭāni al-rajīm

“Wa in hādihā širāṭ mustaqīmā,

fattbi 'ūhu wa lā tattabi 'ū al-sabīl,

fatafarraqu bikum 'an sabīlih, dhālikum

waṣākum bihi la'allakum tattaqūn.” Ertinya:

“Seseungguhnya inilah jalan aku yang

lurus, ikutlah olehmu akan dia,

jangan diikuti beberapa jalan yang

lain, sehingga kamu jadi bercerai

berai daripadanya. Demikianlah Allah

berwasiat kepada kamu, mudah-mudahan

kamu takut kepada-Nya.”

Nafa'ni Allāh waiyyākum yahdī kitābihi.

aqūli qawli hadhā, wa astaghfiru Allāh li

walakum, walisā'ir al-muslimīn min kulli

dhunubi, fa'astaghfirūhu innahu huwa al-Ghafūr

al-Rahīm.

Dipetik, diterjemah daripada:

Akhabār al-'Ālim al-Islāmī.

BUKU BARU

SUDAH SIAP

ISLAM

PEMELUK DAN ULAMA-NYA

* MENGANALISA dengan tegas tentang kejahilan Pemeluk2 Islam terhadap hukum ugama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini

* MENGUPAS dengan panjang lebar tentang kelebihan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.

* MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda'wa hukum2 dalam Shari'at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden ini.

* MENGKERITIK dengan terus terang terhadap Pemembesar2 Negara, Pemimpin2 Islam dan Para Ulama'-nya yang tidak mahu bertanggung-jawab menegakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.

* TEBAL-NYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masyarakat.

Harga Sa-buah \$3.00

Pos 20 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.